

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 26 April 2016 10:15
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: Empat Acara Sukan Buka Tirai Kejohanan Sukan Staf UUM Kali Ke-9, 2016



26 APRIL 2016 / 18 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

EMPAT ACARA SUKAN BUKA TIRAI KEJOHANAN SUKAN STAF PERINGKAT UUM KALI KE-9, 2016



PSUKAN ONLINE : Empat acara sukan buka tirai Kejohanan Sukan Staf Peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM) Kali Ke-9, 2016 baru-baru ini bertempat di Pusat Sukan iaitu karom campuran, badminton campuran, catur campuran dan ping pong campuran.

Bagi acara karom campuran kontinjen Nicol David dinobatkan sebagai johan seterusnya naib johan kontinjen Nurul Huda dan tempat ketiga kontinjen Misbun Sidek.

Manakala acara badminton campuran pula johan kontinjen Mokhtar Dahari, naib johan kontinjen Nurul Huda dan tempat ketiga kontinjen Jegathesan.

Sementara itu, bagi acara ping pong campuran pula, johan kontinjen Jegathesan, naib johan kontinjen Mokhtar Dahari dan tempat ketiga kontinjen Nicol David.

Seterusnya acara catur campuran pula johan milik kontinjen Nicol David, naib johan kontinjen Jegathesan dan tempat ketiga kontinjen Misbun Sidek.

Kejohanan edisi ke sembilan ini, 17 acara sukan yang akan dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, bola tampar (L/W), ping pong campuran, badminton campuran, karom campuran, tenis campuran, tenpin boling (L/W), sepak takraw antara regu, futsal (L/W), catur terbuka, memanah berpasukan, golf, boling padang (L/W), skuasy, basikal dan merentas kampus.

Pengarah Pusat Sukan menyeru semua warga Universiti untuk sama-sama menyertai acara sukan yang akan dipertandingkan bagi membentuk semangat kesukanan di kalangan staf kerana ia dapat membantu membudayakan cara hidup yang lebih sihat.

Tambahnya lagi, kejohanan ini juga dapat memberi peluang kepada semua staf Universiti untuk memilih sukan yang diminati disamping mengeratkan lagi hubungan di antara staf.

Kejohanan akan bersambung pada Khamis ini bagi acara bola tampar lelaki bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UUM, katanya lagi.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my